

HARIAN METRO

15 MEI 2014

PASUKAN
Debat
mewakili
UPNM
bersama
replika cek.



UPNM tunjuk jaguh

■ Muncul pemenang Debat Bahasa Melayu Kategori Utama tewaskan UTHM

Oleh Erdiehazzuan Ab Wahid
hmkk@hmetro.com.my
Kota Kinabalu

Pasukan debat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) menjuarai Debat Bahasa Melayu Kategori Utama pada Pertandingan Debat Diraja Kali ke-16 di Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, semalam.

Mereka menewaskan pa-

sukan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang bertindak sebagai pembangkang dalam debat bertajuk Patriotisme Adalah Warisan Sejarah.

Dalam pertandingan akhir itu, UPNM yang bertindak sebagai pencadang turut menungguli gelaran Pendebat Terbaik menerusi pendebat ketiganya, Wan Azizul Faiz Zulkifli.

Pemenang membawa pu-

lang hadiah wang tunai RM5,000, piala iringan dan sijil penyertaan disampaikan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin manakala pendebat terbaik menerima wang tunai RM1,000.

Hadir sama, isteri Yang Dipertua Negeri Sabah Toh Puan Norlida RM Jasni dan Naib Canselor UMS Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Sementara itu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) turut menyerlah apabila menungguli Debat Bahasa Inggeris Kategori Utama selepas menewaskan Universiti Teknologi Mara (UTM).

Selain itu, pendebat dari UIAM, Syed Saddiq Syed Abd Rahman dinobatkan Pendebat Terbaik Bahasa Inggeris.

Pasukan tuan rumah, UMS tidak terkecuali apabila turut mencatat kemenangan apabila menjuarai Debat Bahasa Melayu Kategori Muda menewaskan UIAM, seterusnya Mohd Faizal Raub berjaya merangkul pendebat terbaik.

Bagi Kategori Muda Bahasa Inggeris, UTM mengekalkan kejuaraan selepas memenangi kategori sama di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 2012 dengan menewaskan pencabar terdekat, UIAM.